

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

B11 RABU, 21 OKTOBER 2020

5

Nasional

Penularan COVID-19

862 kes baharu, 3 kematian

Sabah kekal catat pertambahan jangkitan tinggi daripada kluster sedia ada

Oleh Rafidah Sulzki dan Noor Atiqah Matriz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 862 kes baharu dilaporkan semalam, membabitkan 860 kes penularan tempatan dan dua kes import, manakala tiga kematian direkodkan membabitkan dua wanita dan seorang lelaki di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ini menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini 22,225 kes dengan 7,681 kes aktif.

Beliau berkata, Sabah kekal mencatatkan pertambahan kes tinggi semalam, iaitu 673 kes atau 78.1 peratus daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan semalam dan 4,754 ujian sedang dijalankan di Sabah dan masih menunggu keputusan, manakala 7,087 ujian lagi dalam perjalanan ke makmal untuk diuji.

"Lebih banyak ujian makmal *Reverse transcription-polymerase chain reaction* (RT-PCR) sudah dijalankan di Sabah serta dihantar ke Semenanjung untuk diproses," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pertambahan 673 kes di Sabah membabitkan 260 kes daripada kluster sedia ada dan 243 kes hasil saringan kontak rapat kes aktif COVID-19.

"Selain itu, 168 kes daripada

lain-lain saringan COVID-19 dan dua kes lagi dikesan daripada kluster baharu, iaitu Kluster Kerang. Kedah mencatatkan 17 kes baharu, iaitu 15 kes daripada kluster sedia ada dan masing-masing satu kes daripada saringan kontak rapat kes aktif dan hasil saringan pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI).

"Lain-lain negeri mencatatkan pertambahan kes satu angka, iaitu sembilan kes dari Perak membabitkan lapan kes daripada kluster sedia ada dan satu kes daripada lain-lain saringan COVID-19. Pulau Pinang mencatatkan lapan kes dan semua daripada kluster sedia ada. Di Labuan pula mencatatkan enam kes, iaitu masing-masing dua kes daripada kluster sedia ada dan saringan pulang dari kawasan berisiko, iaitu Sabah serta satu kes masing-masing daripada saringan kontak rapat kes aktif dan lain-lain saringan COVID-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, hanya satu kes dicatatkan di tiga kawasan, iaitu Putrajaya, Johor dan Kelantan. Bagi Putrajaya dan Johor masing-masing dikesan daripada kluster sedia ada, manakala Kelantan dikesan hasil saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Beliau turut memaklumkan terdapat 634 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh di negara ini 14,351 kes atau 64.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, manakala jumlah kes kematian disebabkan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 193 kes, bersamaan 0.87 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-191 ialah lelaki berusia 78 tahun yang mempunyai penyakit darah tinggi, dislipidemia dan penyakit jantung, manakala kes kematian



Lebih banyak ujian makmal RT-PCR sudah dijalankan di Sabah serta dihantar ke Semenanjung untuk diproses.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

ke-192 membabitkan wanita berusia 59 tahun. Beliau mempunyai penyakit darah tinggi, kencing manis dan penyakit buah pinggang yang kronik. Mereka disahkan meninggal dunia di Hospital Tawau," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, bagi kes kematian ke-193 pula membabitkan wanita berusia 90 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi dan jantung serta disahkan meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya turut mengesan satu kluster baharu, iaitu Kluster Kerang membabitkan daerah Kota Belud di Sabah dan sehingga kini sudah menjangkiti 21 individu.

Beliau berkata, kes indeks bagi kluster ini ialah kes ke-17,623 yang dikesan positif COVID-19 hasil saringan kontak rapat kes positif pada 14 Oktober lalu.

"Beliau dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan CO-

VID-19 (PKRC) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Seri Bayu, Kota Belud untuk rawatan lanjut. Sehingga jam 12 tengah hari semalam, 216 individu sudah disaring dan daripada jumlah itu 21 individu sudah dijangkiti dan 195 individu lagi mendapat keputusan negatif," katanya.

Selain itu, beliau juga berkata, Selangor mencatatkan peningkatan kes mendadak sejak penghujung September ketika negeri itu mengalami gelombang ketiga jangkitan COVID-19 ketika ini, berikutan kepadatan penduduk dan kadar pergerakan tinggi dalam kalangan penduduk di Selangor dan penguji di negeri itu.

Katanya, kluster pertama yang dilaporkan di Selangor dalam gelombang ketiga ini adalah Kluster Jalan Apas, iaitu pada 28 September lalu membabitkan keluarga yang pulang dari Sabah, dengan Kluster Utama mencatatkan kes terbesar setakat ini.

"Peningkatan kes penularan tempatan di Selangor mula dilihat pada 2 Oktober lalu, meningkat secara konsisten sehingga ke hari ini. Sejumlah 26 kluster aktif dicatatkan di Selangor bermula kluster pertama (Kluster Jalan Apas) sehingga kluster terbaru diumumkan (Kluster Hentian).

"Sebanyak 18 kluster aktif (69.2 peratus) adalah kluster jangkitan tempatan, manakala lapan kluster (30.8 peratus) mempunyai kaitan dengan pengembara pulang dari Sabah. Enam kluster terbaru yang dilaporkan sejak 11 Oktober lalu berkaitan dengan jangkitan tempatan," katanya.

Beliau berkata, sembilan daripada 26 kluster yang direkodkan mempunyai kaitan yang amat rapat dengan penularan di tempat kerja (34.6 peratus) dengan satu kluster di Selangor juga dikaitkan dengan kompleks beli-belah awam (3.8 peratus).

184 negara sertai COVAX pastikan vaksin dikongsi secara adil

Geneva: Sebanyak 184 negara bergabung di bawah COVAX, sebuah inisiatif antarabangsa dipimpin Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan rakannya untuk memastikan akses vaksin COVID-19 yang adil dan berkesan di seluruh dunia, lapor agensi berita *Xinhua*.

Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus pada sidang media maya, berkata COVAX mewakili portfolio terbesar vaksin COVID-19 dan kaedah paling berkesan untuk memastikan vaksin dapat dikongsi dengan selamat dan berkesan di seluruh dunia.

"Berkongsi vaksin secara adil adalah cara terpantas untuk melindungi masyarakat yang berisiko tinggi, menstabilkan sistem kesihatan dan mendorong pemulihan ekonomi global yang berkesan," katanya, semalam.

Sebagai antara negara utama dalam pembangunan vaksin, China secara rasmi bergabung di bawah COVAX, langkah yang disifatkan jurucakap Kementerian Luar China sebagai penting untuk menegakkan konsep komuniti kesihatan bersama bagi semua dan komitmen menjadikan vaksin COVID-19 membawa kebaikan kepada masyarakat awam global.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada sidang media khas berkata, Malaysia bersetuju untuk menyertai pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, COVAX walaupun perlu membayar RM42 juta.

Beliau berkata, badan itu mempunyai kemudahan kepada negara ahli untuk dapatkan vaksin yang tidak terhad untuk COVID-19 saja, tetapi vaksin penyakit lain.

"Vaksin yang dapat dibekalkan hanya 10 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk dan dalam kes Malaysia yang mempunyai 30 juta penduduk akan menerima tiga juta vaksin. Kita juga terikat untuk membeli vaksin dari COVAX ini dengan nilai RM600 juta dan ia satu jumlah yang cukup besar, tetapi tidak halang kita mendapat bekalan dari pembekal luar seperti China dan negara pembekal lain," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia akan mengadakan rundingan mengenai harga yang perlu dibayar kepada COVAX kerana kini harga untuk satu vaksin sudah ditetapkan pada harga AS\$20 (kira-kira RM82).

Menurut laman web WHO, pada 19 Oktober, terdapat 198 vaksin percubaan yang dibangunkan di seluruh dunia dan 44 daripadanya kini pada peringkat ujian klinikal.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Harian Metro | Rabu 21.10.2020


 @hmetromy | Facebook: HarianMetro | Twitter: @hmetromy | www.hmetro.com.my

7

covid-19

Arahan jalani ujian saringan

Bernama

Seorang lagi pelajar SMK Pantai positif coronavirus

Labuan

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pantai diarah menjalani ujian saringan di Klinik Kesihatan Membedai di sini, semalam selepas seorang lagi pelajar tingkatan lima di sekolah itu disahkan positif Covid-19.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari berkata, pelajar yang disahkan positif Covid-19 itu adalah kontak rapat kepada pelajar pertama dijangkiti wabak berkenaan minggu lalu sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 17 Oktober lalu.

"Kes pertama membabit-



PELAJAR SMK Pantai menjalani ujian saringan Covid-19 di Klinik Kesihatan Membedai, semalam.

154

Jumlah kes direkodkan di Labuan kelmarin selepas peningkatan mendadak Covid-19

kan pelajar yang positif (Covid-19) pada 14 Oktober membawa kepada penutupan sekolah itu," katanya selepas pertemuan dengan lapan pegawai perubatan dari Jabatan Kesihatan Kelantan yang didatangkan untuk membantu menangani pandemik Covid-19 di pulau itu, semalam.

Dalam pada itu, Pengetua SMK Pantai, Norazita Md Noor@Shamsuri meminta

ibu bapa supaya membawa anak mereka yang belajar dalam kelas di tingkat sama dengan pelajar disahkan positif Covid-19 itu untuk menjalani ujian calitan Covid-19.

Sebelum penularan kes Covid-19 dikesan di sekolah itu pada 8 Oktober lalu, SMK Mutiara diarah tutup selepas dua pelajarnya disahkan positif wabak berkenaan diikuti dengan jangkitan terhadap seorang murid di Sekolah Kebangsaan Kerupang di pulau itu.

Sejak seminggu lalu, Labuan merekodkan peningkatan mendadak penularan Covid-19 dengan mencatatkan 154 kes keseluruhan, setakat kelmarin. Labuan diletakkan dalam arahan PKPB bermula 17 hingga 30 Oktober ini.

covid-19

Sabah kekal penyumbang kes tertinggi

Kuala Lumpur: Empat hari berturut-turut Malaysia merekodkan kes baharu Covid-19 melebihi angka 800 apabila 862 kes direkodkan sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan keseluruhan kes positif direkodkan di negara ini sebanyak 22,225 kes.

Menurutnya, jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan adalah 7,681 kes dan pesakit sudah diasingkan dan diberi rawatan selanjutnya.

"Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 673 kes dengan 235 kes direkodkan daripada Kluster Penjara Keapayan dan

Kluster Tembok. "Selangor pula terus mencatatkan pertambahan kes dan kluster dengan 132 kes baharu dengan 84 kes adalah daripada kluster sedia ada dan lapan kes yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah," katanya dalam sidang media

harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata, terdapat 95 kes positif yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 29 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, terdapat tiga kematian semalam seperti dilaporkan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Ce-

pat Krisis Kebangsaan (CPRC).

"Tiga kematian melibatkan warga tempatan masing-masing lelaki berusia 78 tahun dan wanita berusia 59 tahun di Hospital Tawau manakala wanita berusia 90 tahun di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu.

"Mereka yang meninggal dunia memiliki sejarah penyakit darah tinggi, kencing manis, sakit jantung, komplikasi buah pinggang kronik dan dislipidemia" katanya.

Tambahnya, Malaysia mencatatkan kes pulih sebanyak 634 kes dan menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah 14,351 kes.



DR Noor Hisham

KES POSITIF MENGIKUT NEGERI

Setakat jam 12 tengah hari, 20 Oktober 2020

Kes baharu: 862 Bilangan kes positif: 22,225 Jumlah kematian: 193 Unit Rawatan Rapi (ICU): 95 Jumlah discaj: 14,351



1	Perlis	38	0	9	Melaka	299	0
2	Kedah	1,957	17	10	Johor	840	1
3	P Pinang	670	0	11	Kelantan	174	1
4	Perak	424	9	12	Terengganu	163	0
5	Selangor	3,489	112	13	Pahang	388	0
6	K Lumpur	2,860	7	14	Sawarak	769	1
7	Putrajaya	129	1	15	Labuan	160	6
8	N Sembilan	1,110	6	16	Sabah	8,755	673

PETUNJUK: Kes positif (hitam), Tambahan kes positif (merah). Sumber: CPRC KKM

Sejuta pekerja diarah bekerja dari rumah

Kuala Lumpur: Semua pekerja sektor awam dan swasta peringkat pengurusan serta pentadbiran dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diarah bekerja di rumah mulai esok.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia membabitkan sejuta pekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

Menurutnya, keputusan itu dibuat menerusi Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selepas mengendera pembentangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai peningkatan kes jangkitan Covid-19 membabitkan pekerja di pejabat.

"Terdapat sembilan kluster dari tempat kerja di negeri Selangor sehingga hari ini (semalam).

"Justeru, pekerja bagi sektor awam dan swasta di peringkat pengurusan serta pengawasan tidak perlu ha-



PENIAGA kedai makan dan pelanggan mematuhi SOP di medan selera di sebuah kompleks membeli-belah.

Bernama

Labuan

Penduduk kampung dalam kluster baharu Covid-19 Saguking, Sebor, di sini, diarah memakai gelang tangan kuarantin di rumah semalam berikutan peningkatan kes positif di kampung yang sebahagian kecilnya dihuni pendatang asing tanpa izin (Pati).

Sekurang-kurangnya 30 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam di kampung itu dan 18 daripada mereka adalah Pati.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari berkata, saringan bersasar ke atas penduduk kampung di Saguking, Sebor diteruskan semalam dan tindakan itu sebahagian daripada perintah duduk di rumah untuk memastikan mereka berada dalam jejari lingkungan yang dibenarkan.

"Kami sedang melakukan yang terbaik bagi mendapatkan semua penduduk kampung di Saguking, Sebor untuk memakai gelang tangan itu supaya mereka duduk di rumah dan tidak merayau di bandar serta menjadi risiko kepada masyarakat tempatan," katanya kepada Bernama.

Saringan yang bermula jam 10 pagi semalam dilaksanakan di balai raya terapung dalam perkampungan atas air itu dengan beberapa kakitangan merinyu (penyelia) kesihatan dan pegawai perubatan ditempatkan di situ.

Saguking, yang terletak kira-kira 400 meter dari pusat bandar Labuan ialah kampung Melayu Bru-



PENDUDUK di Kampung Patau-Patau 1 melakukan ujian calitan.

Pakai gelang elak merayau

Penduduk dalam kawasan kluster baharu di Saguking dinasihat duduk rumah

nei-Kedayan tetapi kini beransur-ansur terbahagi kepada dua bahagian dengan kawasan di sebelah lembah bertukar kepada perkampungan setingan di atas air dikenali sebagai Saguking, Sebor.

Dr Ismuni berkata, satu lagi penempatan di atas air Kampung Patau-Patau 1

dan 2 juga menyaksikan ratusan penduduk kampung termasuk kanak-kanak terbabit dalam saringan bersasar itu beratur untuk ujian calitan dan *polymerase chain reaction* (PCR) di balai raya.

Labuan merekodkan peningkatan kes setiap hari sejak seminggu lalu menjadikan ju-

malah keseluruhan 154 kes setakat kelmarin dan kini diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 17 hingga 30 Oktober.

Pulau bebas cukai itu merekodkan empat kluster aktif, iaitu Saguking (39 kes), Bah Bangat (11 kes), Bah Bundle (22 kes termasuk yang merebak di Johor) dan Bah Layangan yang menular ke Rembau, Negeri Sembilan dengan 13 kes (hanya satu kes di Labuan).

"Kami sedang melakukan yang terbaik bagi mendapatkan semua penduduk"
Dr Ismuni

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : LOKAL

18

www.hmetro.com.my @hmetromy @hmetromy

lokal



PRODUK resdung tidak berdaftar yang dirampas BPF JKNS.

Aktif jual ubat resdung 'maut'

Sindiket sasar pengguna, pembekal dalam kalangan peniaga di pekan kecil seluruh negara

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Sengaja campurkan racun steroid di dalam ubat resdung haram. Itu antara kegiatan sindiket yang dikesan aktif menipu pengguna sekali gus memudaratkan kesihatan mangsa.

Lebih menakutkan sindiket ini dikesan menyasarkan golongan orang kampung dan penduduk di pedalaman yang kurang pengetahuan berhubung bahaya produk ini.

Sindiket yang dipercayai mengilangkan produk di Perak dan Pulau Pinang, didapati mengedarkan ubat resdung 'maut' ini kepada pengguna dan pembekal dalam kalangan peniaga di pekan kecil seluruh negara.

Terbaharu Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF) Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menjalankan serbuan ke atas dua premis yang menjalankan penjualan produk tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor, kelmarin.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Indera Dr Sha'ari Ngadiman berkata, dalam serbuan itu, sejumlah 930 kotak produk kapsul resdung dianggarkan bernilai RM83,700 berjaya



PEGAWAI BPF JKNS melakukan pemeriksaan terhadap sebuah premis menjual ubat resdung haram.

dirampas.

Menurutnya, siasatan mendapati nombor pendaftaran yang dipamerkan di label produk itu adalah nombor pendaftaran yang dipalsukan menyamai satu lagi produk berdaftar dengan KKM.

"Perbuatan syarikat ini adalah tidak bertanggungjawab kerana ia mampu mengelirukan orang ramai terutama kepada pengguna produk itu.

"Siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Akta Jualan Dadah 1952 dan jika sabit kesalahan, syarikat itu boleh dikenakan hukuman iaitu denda tidak melebihi RM50,000 mengikut akta sama," katanya.

Sehubungan itu, JKNS menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati

sewaktu membeli apa-apa produk kesihatan dan kosmetik yang dijual secara dalam talian serta memastikan produk kesihatan dan kosmetik yang dibeli di pasaran mematuhi keperluan undang-undang dikuatkuasakan.

Orang ramai boleh menyemak kesahihan nombor pendaftaran produk atau notifikasi kosmetik dengan melayari www.npra.moh.gov.my/ atau dengan menghubungi Bahagian Regulatori Farmasi Negara di talian 03-78875400.

Difahamkan bahan steroid di dalam produk tidak berdaftar boleh menyebabkan pembekuan darah, kanser, kecacatan pada janin, tekanan darah tinggi dan pelbagai penyakit bahaya lain.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

10



MEMERANGI WABAK COVID-19

862 positif, 3 kematian

Sabah masih catat jumlah kes harian tertinggi sebanyak 673 kes

Oleh TUAN BUQHAIKHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Sebanyak 862 kes baharu positif coronavirus (Covid-19) dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada

22,225 kes. "Jumlah kes aktif pula sebanyak 7,681 kes," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Menurutnya, Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 673 kes bersamaan 78.1 peratus.

"Secara keseluruhan, sebanyak 235 kes iaitu 27.3 peratus semalam daripada Kluster Penjara Keapayan dan Kluster Tembok.

"Kes-kes ini semanginya terasing di dalam penjara dan tidak menjangkiti masyarakat," katanya.

Beliau berkata, berikutan kepadatan penduduk dan kadar pergerakan penduduk tinggi, Selangor terus mencatatkan pertambahan kes dan kluster ba-



DR NOOR HISHAM

haru setiap hari.

"Hari ini (semalam), Selangor catat pertambahan 132 kes dan daripada jumlah itu, 84 kes daripada kluster-kluster sedia ada termasuk lapan kes daripada kluster yang berkaitan dengan sejarah perjalanan pulang dari Sabah.

"Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Ke-

bangsaan menerima tiga lagi kematian dari hospital di Sabah," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, semua pihak tidak boleh ambil mudah dan perlu memerangi Covid-19.

"Saya dapati petugas barisan hadapan, wartawan dan rakyat lesu selepas berhadapan Covid-19 yang panjang tetapi virus ini terus bermutasi dengan jangkitan lebih aktif iaitu kebolehhangkitan yang tinggi," katanya.

Namun, tegasnya, virus Covid-19 tidak pernah lesu, malah terus bermutasi dan menular.

"Kalau boleh duduk di rumah dalam tempoh 10 hari, besar kemungkinan boleh kita putuskan jangkitan," kata beliau.

26 kluster aktif di Selangor

PUTRAJAYA - Sebanyak 26 kluster coronavirus (Covid-19) yang aktif dikesan dalam tempoh tiga minggu di Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 kluster aktif merupakan kluster jangkitan tempatan, manakala lapan kluster lagi mempunyai kaitan dengan pengembara pulang dari Sabah.

"Enam kluster terbaru yang dilaporkan sejak 11 Oktober lalu adalah berkaitan dengan jangkitan tempatan," katanya.

Menurutnya, sembilan daripada 26 kluster mempunyai kaitan yang amat rapat dengan perebakan di tempat kerja.


"Satu kluster dikaitkan dengan tempat membeli-belah awam," katanya.

Beliau berkata, situasi itu berikutan kepadatan penduduk dan kadar pergerakan yang tinggi dalam kalangan penduduk Selangor serta pengunjung di negeri itu.

"Dengan pertambahan sebanyak 132 kes positif hari ini (semalam), jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Selangor adalah sebanyak 3,489 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, peningkatan kes penularan tempatan di negeri itu mula dilihat pada 2 Oktober lalu dan meningkat secara konsisten sehingga hari ini.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

8

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 21 OKTOBER 2020

Dalam Negeri

HARIAN	Kes baharu	Tempatan	Mati	Sembuh	Aktif	STATISTIK KES COVID-19	KESELURUHAN	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Sembuh	Jumlah kematian
	862	860	3	634	7,681			22,225	14,351	193

Covid-19: Selangor makin berisiko

Oleh: MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Selangor menjadi negeri semakin berisiko penularan jangkitan Covid-19 selepas menunjukkan peningkatan konsisten kes positif sejak awal Oktober lalu dalam tempoh gelombang ketiga wabak ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bagi tempoh semalam, negeri berkenaan menyaksikan pertambahan 132 kes daripada 862 kes baharu positif menjadikan jumlah keseluruhan kes sebanyak 3,489 kes dicatatkan di Selangor.

Menurut beliau, gelombang ketiga di negeri itu mula menyaksikan peningkatan kes pada akhir September lalu apabila kemasukan pengunjung dari Sabah ke Selangor dengan kluster pertama direkodkan ialah Jalan Apas pada 28 September melibatkan sekeluarga pulang dari Sabah.

"Pada 2 Oktober, kes mula meningkat secara konsisten sehingga hari ini (semalam), sebanyak 26 kluster aktif di Selangor daripada 84 kluster manakala 18 kluster aktif melibatkan jangkitan tempatan dan lapan kluster berkaitan kepulangan dari Sabah," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, terdapat enam kluster terbaharu yang dilaporkan sejak 11 Oktober iaitu



SEORANG pelanggan menggunakan aplikasi MySejahtera sebelum memasuki sebuah pasar raya di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur baru-baru ini. - GAMBAR / FARIZ RUSADIO

berkaitan dengan jangkitan tempatan di Selangor selain sembilan kluster adalah jangkitan di tempat kerja dan satu kluster melibatkan pusat beli-belah.

Bagaimanapun, kata beliau, peningkatan kes positif itu juga adalah berkaitan dengan kepadatan penduduk di Selangor, pergerakan tinggi penduduk dan pengunjung ke negeri itu.

Beliau berkata, Nilai RO (R Naught) perlu diturunkan kepada bawah kadar 1 yang ketika ini di-

catatkan 1.48 di Selangor, maka kawalan pergerakan penduduk perlu dilakukan demi memutuskan rantaian jangkitan penularan Covid-19.

Bagaimanapun, katanya, ia bergantung kepada situasi semasa dan tertakluk kepada penilaian pihak Kementerian dari semasa ke semasa.

Mengulas mengenai perkembangan kes positif di seluruh negara, Noor Hisham berkata, daripada 862 kes baharu yang di-

catatkan semalam, Sabah masih lagi mencatatkan kes tertinggi iaitu sebanyak 673 kes menjadikan keseluruhan kes ketika ini sebanyak 22,225 kes dengan kes aktif kebolehhjangkitan sebanyak 7,681 kes.

Beliau menjelaskan, terdapat tiga kes kematian direkodkan di Sabah selain satu lagi pertambahan kluster baharu iaitu Kluster Kertang di Sabah dengan merekodkan 20 kes.

Katanya, hanya dua kes import

dicatatkan manakala empat kes melibatkan pengunjung pulang dari Sabah, sekali gus menjadikan keseluruhan kes berkaitan sebanyak 452 kes sejak 20 September lalu.

"Daripada 673 kes di Sabah, ia membabitkan kluster-kluster sedia ada dan dua kes daripada Kluster Kertang.

"Di Selangor, 84 kes daripada 132 kes adalah kluster-kluster sedia ada, Kedah (17 kes), Perak (9 kes) manakala Pulau Pinang (lapan kes).

"Di Labuan, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur mencatatkan enam kes, selain satu kes dicatatkan di Putrajaya, Johor dan Kelantan," katanya.

Noor Hisham turut membeberitahu, pada masa ini terdapat 86 kluster masih aktif daripada keseluruhan 193 kluster termasuk 28 kluster menunjukkan pertambahan kes, selain 107 kluster telah ditamatkan melibatkan dua kluster semalam iaitu Kluster Setapak dan Kluster Selamat.

Katanya, sebanyak 61 kapasiti makmal ujian pengesanan Covid-19 telah melakukan 58,466 ujian seharian dan bagi tempoh semalam sebanyak 19,017 ujian seharian dijalankan.

Kapasiti tiga makmal di Sabah pula mampu melakukan 2,600 ujian seharian namun semalam makmal-makmal tersebut telah berjaya menjalani 3,551 ujian melebihi kapasiti.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : RENCANA

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 21 OKTOBER 2020

17

Rencana

Sedih dilabel 'anak' Covid-19

**CAKNA
SOKMO**
Oleh
Rosalinda Md. Said



MENGHINA dan membuat tohmahan melulu terhadap individu atau waris yang dijangkiti mahupun dikuarantin akibat Covid-19 seolah-olah menjadi budaya baharu dalam masyarakat hari ini. Sikap berlebihan itu sekali gus menyebabkan kelompok yang bekerja di premis sama, turut menerima tempias dipulaukan orang ramai, walaupun hakikatnya mereka tidak mempunyai sebarang kontak rapat dengan mangsa.

Salah faham melampau masyarakat sebegitu berulang kali ditegur Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr. Nor Azimi Yunus menerusi hantaran di laman Facebook miliknya pada Julai lalu dan terbaru, Khamis, 8 Oktober.

Dalam perkongsiannya Nor Azimi berkata, ada segelintir individu dilarang masuk ke kedai, tidak terkecuali ibu bapa yang diminta segera mengambil anak masing-masing di sekolah atas alasan mereka bekerja di premis 'X' yang ditutup akibat pandemik. Lebih menyedihkan apabila ada yang disindir dengan gelaran 'anak' atau 'bapa' Covid-19.

Turut terpalit dengan diskriminasi itu ialah Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Baru-baru



Setelah lebih enam bulan kita berperang dengan Covid-19, tidak sepatutnya isu salah faham tentang wabak penyakit ini masih menghantui masyarakat."

ini, sebuah klinik panelnya di Kuala Terengganu mengeluarkan notis enggan merawat kakitangan universiti berkenaan dan keluarga mereka bermula 4 hingga 18 Oktober lalu berikutan kes Covid-19 membabitkan salah seorang warganya.

Setelah lebih enam bulan kita berperang dengan Covid-19, tidak sepatutnya isu salah faham tentang wabak penyakit ini masih menghantui masyarakat. Adalah lebih baik jika mendoakan kesejahteraan mereka yang terjejas kerana kita tidak pernah tahu, mungkin ada yang terpaksa mendapatkan pil hipertensi buat kali pertama dalam hidup semata-mata trauma dengan penghinaan dan diskriminasi yang perlu dilalui setiap hari.

PENULIS ialah Koresponden Utusan Malaysia Terengganu.



KERJA-KERJA penyemburan cecair pembasmi kuman di kolej kediaman pelajar Unisza di Kuala Terengganu, baru-baru ini.
- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

4 | **Negara!**



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! RABU 21 OKTOBER 2020

862 individu disahkan positif semalam, satu kluster baharu direkodkan

Kes Selangor meningkat mendadak

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

